

Kimchi juara penulisan cerpen

KUALA LUMPUR – Cerpen berjudul *Kimchi* hasil tulisan seorang pelajar dari Universiti Kebangsaan Chonnam, Korea Selatan diangkat sebagai juara sempena program Sayembara Menulis Cerpen 2016.

Kemenangan itu membolehkan Ahmad Fouad Abd. Mubin, 27, yang mengikuti program Sarjana Pengajian Antropologi di universiti tersebut membawa pulang wang tunai RM2,000, piala dan sijil penyertaan.

Menurut Ahmad Fouad, cerpen itu mengisahkan cerita di sebuah kedai makan menjual kimchi yang tidak ramai pelanggan kerana hidangan tersebut tidak sedap dan masam.

"Saya wujudkan watak pemilik kedai dan seorang lagi watak yang telah membantunya mem-



AHMAD FOUAD (tengah) bergambar bersama Nuratiqah (dua dari kiri), Azwadie (dua dari kanan), Nurhusna Amalina (kiri) dan Siti Nurhajar selepas menerima hadiah masing-masing di APM, Kuala Lumpur semalam.

perbaiki kualiti kimchi sehingga premis itu akhirnya didatangi ramai pelanggan.

"Cerpen ini banyak mengisahkan tentang pendedahan budaya masyarakat di Korea Selatan

terutamanya hubungan sesama manusia dan kepentingan mengekalkan tradisi," katanya.

Ahmad Fouad yang berasal dari Salak Selatan di sini menerima hadiah itu daripada Tim-

balan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Rohana Yusof di Akademi Pengajian Melayu (APM) di sini semalam.

Tempat kedua pula dimenangi Nuratiqah Abdul Rahim, 20, dari Universiti Teknologi Mara, Tapah, Perak dengan tajuk cerpen *Koceng Cengko*.

Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Ahmad Azwadie Azman, 22, yang menghasilkan cerpen berjudul *Saute* pula memenangi tempat ketiga.

Nurhusna Amalina Mohamed Zubir, 22, dari Universiti Malaysia Kelantan pula tempat keempat manakala Siti Nurhajar Zukafly, 22, dari Universiti Kebangsaan Malaysia tempat kelima.

Menurut Rohana, program

Sayembara Menulis Cerpen anjuran syarikat Gallery Bookstore Sdn. Bhd., (GB) dan APM telah berlangsung dari 1 Ogos sehingga 15 Oktober 2016.

Katanya, sebanyak 30 daripada 400 cerpen yang dihasilkan mahasiswa dari pelbagai institusi pengajian tinggi di dalam serta luar negara dipilih sebagai pemenang program itu.

Sementara itu, Pengarah Urusan GB, Datuk Mohd. Salleh Saidin berkata, kesemua 30 cerpen yang dipilih sebagai pemenang telah dibukukan dengan tajuk *Kimchi Antologi Cerpen Mahasiswa*.

Buku yang mengandungi 471 muka surat itu dijual pada harga RM29.90 senaskhah dan boleh dibeli di semua cawangan GB di seluruh negara.